

12 Mac 2012

Fenomena ‘ternak anak’

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: “Kita (ibu bapa) sekarang ini hanya tahu ‘ternak anak’, tetapi yang lain kurang. Mampu memberikan duit belanja, tetapi dalam soal asuhan, ramai yang lepas tangan,” kata Pegawai Psikologi Kanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam, Sulaiman Selamat.

Beliau berkata, walaupun tanggungjawab ibu bapa menyediakan keperluan fizikal seperti makan dan minum, tetapi peranan lebih besar perlu dipikul golongan berkenaan termasuk melengkapkan anak-anak dengan ilmu agama.

“Kalau dilihat cara mendidik anak secara tradisi, memang tidak mencukupi. Maksudnya menyediakan keperluan dari sudut fizikal seperti makan dan minum, sedangkan keperluan lain yang harus diambil kira adalah soal melengkapkan anak-anak dengan ilmu agama.

“Tujuannya sudah pasti untuk membimbing kehidupan mereka supaya tidak lari dari tanggungjawab dan terjebak dengan aktiviti kurang sihat. Suka ataupun tidak ibu bapa perlu main peranan dan bukan hanya tahu ‘menternak anak’,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka depan Metro Ahad semalam, mengenai pengakuan tiga remaja yang menghabiskan wang saku sekolah untuk membeli syabu, selain ada diupah menghantar dadah kepada pelanggan dan menjadi ‘budak hantu’ apabila menghisap syabu sejak di tingkatan satu.

Sungguh membimbangkan apabila penagihan syabu bukan saja menular di kalangan pelajar seawal usia 13 tahun, malah ada budak semuda 10 tahun dijadikan ‘keldai dadah’ oleh sindiket bagi mengaburi pihak berkuasa.

Selain menjejaskan pembelajaran dan memudaratkan kesihatan mental serta fizikal, penyalahgunaan syabu yang juga dikenali sebagai ‘ice’ dan ‘batu’ di kalangan pelajar boleh menjerumuskan mereka ke kancang jenayah.

Buktinya, ada yang ‘berperangai hantu’ apabila berani mencabul rakan sekelas, bergaduh dengan guru dan mencuri duit ibu bapa.

Bagi pengedar cilik pula, kemiskinan hidup menjadi alasan mereka mudah terjebak dengan pujuk rayu sindiket dadah biarpun upah diterima tidak seberapa.

Pengakuan seorang pelajar sekolah menengah di Wangsa Maju, Kuala Lumpur berusia 17 tahun mendedahkan bagaimana duit saku perbelanjaan sekolah sebanyak RM250 diberikan ibu bapa habis sebelum pertengahan bulan kerana membeli syabu.

Melihat senario yang berlaku, Sulaiman berkata konsep menyerahkan tanggungjawab kepada anak-anak dalam membuat keputusan hidup perlu diteliti kembali, apakah lagi cabaran yang semakin besar dalam mendidik golongan itu ketika ini.

“Senario mendidik anak sekarang ini amat berbeza dan tidak boleh kita (ibu bapa) menyerahkan bulat-bulat kepada anak-anak dalam membuat keputusan. Bukan saja daya tahan diri kurang, tetapi tidak mampu berfikir secara matang.

"Lebih-lebih lagi dengan hidupan sekarang yang lebih bersifat 'segera' menyebabkan kebergantungan anak-anak kepada ibu bapa lebih tinggi dalam menyelesaikan sebarang masalah dihadapi," katanya.

Menurutnya, 'sistem pergantungan' terhadap syabu dan dadah yang diperlukan setiap hari menyebabkan ramai yang perlu mencari duit untuk mendapatkan barang berkenaan, apatah lagi tidak diberikan secara percuma